

Malaysia-Thailand kaji projek kereta api laju KL-Bangkok

PETALING JAYA: Malaysia dan negara jiran, Thailand akan menjalankan kajian kebolehlaksanaan bagi mendapatkan data terperinci berkaitan pelaksanaan projek Kereta Api Laju Kuala Lumpur-Bangkok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perkara itu telah dipersetujui oleh rakan sejawatnya, Jeneral Prayut Chan-O-Cha ketika mereka berjumpa baru-baru ini.

“Saya dan Perdana Menteri Thailand telah berbincang mengenai keperluan masa akan

datang untuk membina kereta api laju dari Kuala Lumpur ke Bangkok.

“Malaysia dan Thailand bersetuju mengadakan kajian kebolehlaksanaan (feasibility study) dan kita akan meminta kementerian dan jabatan yang berkaitan untuk mengambil tindakan segera,” katanya dalam Facebook beliau semalam.

Terdahulu, Ismail Sabri berada di Thailand bagi membuat lawatan kerja ke negara itu atas undangan undangan Jeneral Prayut.

Menerusi perjumpaan itu

juga, Ismail Sabri berbincang mengenai keperluan untuk membenarkan semula aktiviti rentas sempadan di antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pihak bersetuju agar perbincangan di peringkat agensi dapat digiatkan bagi membuka semula sempadan dalam masa terdekat melalui skim Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) bagi Malaysia atau Test & Go bagi Thailand.

Sempadan kedua-dua negara ditutup sejak Mac tahun 2020 selepas pandemik Covid-19 melanda dunia.



ISMAIL Sabri ketika berjumpa dengan Jeneral Prayut Chan-O-Cha di Bangkok, Thailand kelmarin.